

09 SEP 1998

Mustapa-Kewangan

MUSTAPA MULAKAN TUGAS DI KEMENTERIAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Mustapa Mohamed hari ini secara rasmi memulakan tugas sebagai Menteri Kewangan Kedua dengan menghadiri pertemuan dengan para pegawai dan kakitangan di Kementerian itu.

Sebelum itu, Mustapa, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan, mengadakan mesyuarat mingguan seperti biasa dengan para pegawai kanan Kementerian itu selepas mesyuarat mingguan Kabinet.

Perlantikannya sebagai Menteri Kewangan Kedua diumumkan Isnin lepas bersama-sama perlantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan Pertama.

Perlantikan itu berikutan perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan daripada Kabinet, Rabu lepas dan daripada Umno sehari kemudian.

Bercakap kepada pemberita sebelum pertemuan dengan para pegawai dan kakitangan Perbendaharaan, Mustapa berkata ia merupakan pertemuan rasminya yang pertama dengan pegawai dan kakitangan khususnya di peringkat pertengahan.

Mustapa berkata, beliau telah diberi taklimat mengenai Kementerian itu oleh lima pegawai kanannya Isnin lepas.

Ketika ditanya mengenai jawatan baru itu, Mustapa berkata beliau akan membantu Dr Mahathir untuk melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Anwar semasa Perhimpunan Agung Umno pada Jun lepas bahawa Perbendaharaan dijangka mengeluarkan senarai penerima projek dan saham, Mustapa berkata beliau tidak mengetahui apa-apa mengenai perkara itu.

"Saya tidak tahu lagi apa-apa nak buat. Apa jua yang saya buat adalah berpandu kepada arahan Perdana Menteri. Kalau ada isu-isu yang penting, sudah pasti saya perlu bincang dengan Perdana Menteri. Sekarang ini saya tidak ada apa-apa agenda, saya cuma hendak membantu (Perdana Menteri)."

Perlantikan Mustapa di Kementerian Kewangan bagaikan sirih pulang ke gagang memandangkan beliau pernah berkhidmat di Perbendaharaan sebagai Penolong Setiausaha pada 1974.

Pada 1984, Mustapa dilantik sebagai pembantu khas Tun Daim Zainuddin, yang ketika itu menjadi Menteri Kewangan, sebelum dilantik menjadi Setiausaha Politik Daim pada tahun yang sama.

Pada Mac 1991, Mustapa dilantik sebagai Senator dan diberikan kepercayaan menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri pada Januari 1994.

Beliau dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan selepas memenangi kerusi Parlimen Jeli dalam pilihan raya umum 1995.

Mustapa juga merupakan anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), yang bertanggungjawab merangka strategi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

-- BERNAMA

HS PR